



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PROGRAM HI-TEA BERSAMA PARA PENAJA BERPOTENSI MAHA 2026 - “PITCH AND CONNECT@MAHA2026”

PUTRAJAYA, 18 MEI 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini telah menganjurkan Program Hi-Tea bersama para penaja berpotensi bagi MAHA 2026 menerusi sesi “*Pitch and Connect @ MAHA2026*”. Program ini diadakan sebagai platform untuk memperkenalkan pakej penajaan MAHA 2026 kepada syarikat dan organisasi yang berpotensi menjadi rakan strategik penganjuran acara tersebut.

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, yang turut melancarkan sesi “*Pitch and Connect @ MAHA2026*”.

Seramai hampir 100 wakil syarikat dan penaja berpotensi telah menghadiri sesi ini dan diberikan penerangan terperinci mengenai pakej penajaan yang ditawarkan.

Melalui sesi tersebut, para penaja turut diberi penerangan mengenai pelbagai insentif dan manfaat yang boleh diperolehi melalui penyertaan dan penajaan mereka dalam MAHA 2026. Pendekatan ini diharap dapat memperkukuh kerjasama strategik antara kerajaan dan sektor swasta dalam menjayakan penganjuran MAHA 2026.

Dalam ucapannya, Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu memaklumkan bahawa MAHA 2026 yang membawa tema “Penciptaan Nilai Demi Keterjaminan Makanan” memberi penekanan kepada usaha meningkatkan nilai dalam keseluruhan rantaian agromakanan negara. Tema tersebut juga selaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan ekosistem agromakanan yang berdaya tahan, berasaskan teknologi dan berimpak tinggi.

MAHA 2026 yang dijadual berlangsung dari 28 Ogos hingga 6 September 2026 menyasarkan kehadiran seramai 4 juta pengunjung, penglibatan 2,000 pempamer dari dalam dan luar negara, nilai jualan langsung sekurang-kurangnya RM55 juta dan potensi pelaburan bernilai RM8 bilion melalui pemeteraian memorandum

persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA). Program ini juga dijangka melibatkan seramai 800,000 golongan belia.

Pelbagai aktiviti dan tarikan istimewa turut dirancang sepanjang MAHA 2026, antaranya pameran Agrotech, Young Agropreneur, Magical Garden, pertunjukan laser, cahaya dan dron, Agro Safari, Kingdom of Agrofood dan Pavilion Negeri yang dijangka menjadi antara tarikan utama kepada pengunjung.

Secara keseluruhannya, penganjuran Program Hi-Tea ini menjadi platform penting untuk menarik lebih ramai penaja untuk bersama-sama memberikan sokongan dan keterlibatan strategik bagi menjayakan MAHA 2026, yang merupakan antara pameran pertanian terbesar dan paling berprestij di rantau ini.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

